

Pendidikan Hati Dalam Membina Akhlak Manusia

Heart Education In Building Human Morality

Nor Shahira Izzati Zukry

¹Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi

Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹izzar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan hati memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk akhlak seseorang. Hati dijadikan pada asalnya suci seperti kain putih yang tiada kekotoran. Mutakhir ini terdapat segelintir manusia tidak mampu menjaga hati mereka dan melampaui batas dalam menyakiti hati orang lain. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji peranan hati dalam mendidik akhlak manusia dengan lebih terperinci supaya ia menjadi dorongan dan rujukan kepada manusia dalam mendidik hati mereka. Bagi mencapai objektif ini, metode kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah dokumentasi seperti merujuk sumber primari dan sumber sekunder telah digunakan. Data sekunder seperti rujukan artikel jurnal, keratan akhbar serta buku ilmiah dan sebagainya. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, kepentingan pendidikan hati adalah sangat perlu diutamakan bagi menjamin akan baiknya tingkah laku seseorang individu itu. Oleh itu, menjadi keharusan kepada kita supaya menjaga dan mendidik hati kita agar sentiasa diisi dengan elemen kerohanian dan kejiwaan agar ianya tetap terpelihara dan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan sekaligus dapat mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Kajian ini mengandungi konsep hati menurut Islam serta peranan hati dalam mendidik akhlak manusia.

Kata Kunci: *hati, tingkah laku, akhlak, pendidikan, manusia*

ABSTRACT

The education of the heart plays a very important role in shaping one's morals. The heart is made originally pure like a white cloth without impurity. Lately there are a handful of people who are unable to take care of their hearts and go overboard in hurting the others heart. This paper aims to study the role of the heart in educating human morals in more detail so that it becomes an encouragement and reference to human beings in educating their hearts. To achieve this objective, qualitative methods by using documentation methods such as referring to primary sources and secondary sources have been used. Secondary data such as references to journal articles, newspaper clippings and scholarly books and so on. Based on the research that has been done, the importance of heart education is very important to ensure the good behavior of an individual. Therefore, it is imperative for us to take care and educate our hearts so that they are always filled with spiritual elements so that they are preserved and always motivated to do good and at the same time be able to bring ourselves closer to Allah SWT. This study contains the concept of the heart according to Islam as well as the role of the heart in educating human morals.

Keywords: *heart, behavior, morals, education, human*

1. Pengenalan

Allah SWT menciptakan manusia hanyalah untuk beribadah dan mengabdikan diri kepadaNya sebagai prasyarat supaya manusia mendapat keredhaan Allah SWT. Penciptaan manusia adalah sangat unik. Seluruh anggota badan manusia mempunyai fungsinya tersendiri, termasuklah hati manusia. Dari sudut fizikal, hati adalah organ yang berfungsi untuk menjaga kesihatan tubuh badan manusia. Kedudukan hati yang berada di sebelah kanan perut selalunya mempunyai berat kira-kira 3 paun dengan warna coklat kemerahan. Hati bersama organ-organ yang lain berfungsi sebagai sistem pencernaan dengan menyerap dan memproses makanan. (Sri Viknarajan2020).

Dari sudut maknawi pula, hati menjadi dasar kepada tingkah laku dan perbuatan manusia. Nik Hasnah (2018) menyatakan bahawa hati yang bersih menjadi penentu kepada akhlak mulia, bergantung kepada ilmu dan penghayatan seseorang manusia itu. Penjagaan hati daripada sebarang kekotoran adalah penting supaya hati kekal dalam lembayung keredhaan Allah SWT dengan menekuni perkara yang makruf dan menegah perkara yang mungkar.

Pengkajian dengan lebih mendalam tentang konsep dan peranan hati dalam mendidik akhlak seseorang manusia adalah amat relevan berdasarkan kepada keadaan masyarakat kini. Interaksi yang berlaku dilihat sebagai kurang sensitif dalam menjaga hati, bahkan mudah pula mengguris perasaan orang lain. Lantaran itu, artikel ini memberi singgulan berkenaan dengan perihalan hati dan hubungannya dengan akhlak yang terpuji.

2. Tinjauan Literatur

Artikel ini memfokuskan perkaitan antara Pendidikan hati dengan sikap individu pada masa kini. Walaupun banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan dengan konsep hati dan pendidikan hati, namun ia hanya dilakukan secara umum sahaja tanpa mengungkap dengan lebih mendalam akan kaitan kedua aspek ini. Safria Andy (2018) memberi kesimpulan bahawa hati yang selamat adalah hati yang bersih dari mempersekutukan Allah dan hati yang sentiasa diisi untuk memperingati dan menjalin cinta dengan Allah SWT. Antara amalan yang perlu dilakukan untuk mengisi hati adalah dengan sentiasa beristighfar dan memperbaiki ibadah solat supaya lebih khushyuk. Di sini dapat dilihat bahawa hati manusia merupakan aspek terpenting dalam tingkah laku seseorang manusia kerana apabila dia menjaga hatinya dengan diisi perkara kebaikan maka akan mendorong tingkah lakunya ke arah kebaikan dan begitulah sebaliknya.

Tinjauan terhadap sudut pandang al-Ghazali berkenaan dengan hati yang dilakukan oleh Duriana dan Anin (2015) mendapati bahawa terdapat dua fungsi hati terhadap pembentukan keperibadian manusia. Pertama; hati yang mampu membuat manusia sedar dan mampu membentuk keperibadian manusia, kedua; hati yang dapat melahirkan sikap tawaduk dalam interaksi sesama manusia dan jiwa kehambaan kepada Allah SWT apabila berhubungan dengan al-Quran. Kajian ini berselari dengan Virgin Yuliana (2019) yang telah menyimpulkan bahawa keadaan hati seseorang sangat menentukan semua keadaannya yang meliputi perkataan, sikap dan perbuatannya. Apabila hati seseorang dalam keadaan bersih dan sihat, maka semua perkataannya, sikap dan perbuatannya akan baik. Sebaliknya apabila hatinya kotor, maka semua yang keluar dari dirinya akan buruk.

3. Metodologi

Metode yang digunakan bagi kajian ini adalah metode kualitatif, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan. Perpustakaan yang menjadi tumpuan pengkaji untuk mendapatkan bahan kajian adalah Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Namun begitu terdapat batasan untuk mendapatkan sumber secara “walk in” di perpustakaan dek kerana situasi yang sedang melanda sekarang. Oleh itu penyelidik menggunakan medium laman sesawang perpustakaan yang dinyatakan bagi mendapatkan bahan rujukan secara dalam talian. Data yang diperolehi berupa buku, majalah, kertas kerja, tesis dan seumpamanya yang telah “discan” dan “dipdfkan”. Sumber data yang akan digunakan dalam penyelidikan ini merangkumi data primer dan data sekunder. Data primer yang bersumberkan al-Quran, hadis dan tesis. Bagi data sekunder pula seperti artikel, jurnal, keratan akhbar serta buku ilmiah. Pengkaji juga mengaplikasikan metode dokumentasi pada keseluruhan bab kajian. Seterusnya, metode analisis data yang akan digunakan ialah metode komperatif. Metode ini diaplikasikan ketika pengkaji meneroka konsep hati menurut Islam serta peranan hati dalam mendidik akhlak manusia.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Hati Menurut Pandangan Islam*

4.1.1 *Konsep Hati*

Menurut Imam al-Ghazali dalam buku *Keajaiban Hati* memberikan definisi bahawa hati ataupun *al-qalb* mempunyai dua makna. Makna yang pertama, ia merupakan segumpal daging berbentuk bulat panjang yang terletak di dada sebelah kiri, yang memiliki fungsi tertentu. Di dalamnya terdapat rongga yang berisi darah hitam serta ini dapat ditafsirkan sebagai sumber roh atau nyawa dan fungsinya menyalurkan darah ke seluruh tubuh badan manusia. Manakala bagi definisi *al-qalb* yang kedua pula dengan makna jiwa yang merupakan sesuatu yang halus (*lathifah*), bersifat ketuhanan (*rabbaniyyah*) dan *ruhaniyyah* (tak berbentuk) yang berkaitan dengan hati secara fizikal tadi. (Al-Ghazali 2011).

Menurut Kamus Dewan edisi Keempat (2010), maksud hati merujuk kepada beberapa makna iaitu organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di perut di bahagian sebelah kanan (tugasnya mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dalam darah, menawarkan racun nitrogen, menghasilkan urea dan menyimpan glikogen), jantung, batin (tempat perasaan), bahagian tengah buah-buahan (pokok). Oleh itu dapatlah diketahui bahawa hati ataupun *al-qalb* mempunyai banyak makna iaitu hati pada manusia secara fizikal yakni jantung dan secara spiritual yakni perasaan. Manakala hati juga turut terdapat pada kehidupan lain seperti pokok dan haiwan.

4.1.2 *Hati Manusia menurut al-Quran*

Ilmu itu cahaya di mana ia akan masuk ke dalam hati orang-orang yang beriman dan bersih hatinya. Dalam mempelajari dan memahami sesuatu ilmu maka seorang manusia haruslah memiliki kesabaran untuk menerima sesuatu ilmu dengan baik. Kesabaran pula dapat dipupuk dengan mempunyai hati yang bersih. Manakala bagi mencapai ketenangan hati seorang manusia haruslah sentiasa dekat dengan al-Quran al-Karim kerana al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW supaya menjadi panduan dalam kehidupan kepada seluruh umat manusia.

Peri pentingnya kedudukan hati menurut al-Quran sebagaimana yang dijelaskan oleh firman Allah SWT dalam surah Asy-Syu'ara' ayat 88 dan 89;

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ۚ ۸۸ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ۚ ۸۹

Maksudnya;

“(Iaitu) Di hari harta dan anak-anak laki-laki tidak berguna. Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih.”
(Al-Quran. Surah Asy-Syu'araa' 26: 88-89)

Tafsir al-Qurthubi menafsirkan bahawa orang kafir tidak akan mendapat manfaat daripada harta dan keturunan. Hanya golongan yang memiliki hati yang bersih dan sejahtera sahaja yang hartadan anak-anaknya dapat memberi manfaat kepada mereka. Hati dinyatakan secara khusus lantaran ia adalah penentu kepada seluruh tindakan anggota badan. Hati yang baik, akan mendorong perlakuan yang baik, sebaliknya hati yang kotor akan mendorong perbuatan yang jelik (al-Qurthubi t.t). Dapat difahami melalui maksud ayat di atas bahawa hati memiliki peranan terpenting dalam penempatan harta, anak, dan sesuatu yang dipandang berharga bagi manusia yang menjadi benar-benar bermanfaat dunia dan akhirat bagi kehidupan dirinya (Safria 2018).

4.1.3 Matlamat Penciptaan Hati

Virgin Yuliana (2019) menyatakan bahawa sesungguhnya hati adalah elemen kejiwaan yang dianugerahkan Allah kepada manusia dan hati adalah bahagian yang paling penting di antara bahagian-bahagian lain dalam tubuh badan manusia. Oleh yang demikian Allah menciptakan hati manusia untuk digunakan sebaiknya kerana hati akan membuatkan manusia mendekatkan diri mereka denganNya yang mana ianya bukanlah bertujuan untuk disia-siakan. Tujuan utama penciptaan hati adalah untuk menerima dan memahami ilmu dan kebijaksanaan. Ilmu sangat penting bagi umat manusia bahkan wahyu yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah tuntutan untuk menuntut ilmu dengan membaca. Firman Allah SWT daripada Surah al-'Alaq: 1-2.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۚ ۱ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۚ ۲

Maksudnya:

“Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu! Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah.”
(Al-Quran. Surah al-Alaq 96: 1-2)

Tafsir al-Qurtubhi menafsirkan bahawa, bacalah ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepadamu dan awali bacaan itu dengan menyebut nama Tuhanmu, yakni dengan menyebut bismillah pada pemulaan setiap surah. Oleh kerana itu, huruf ba` pada kata, بِاسْمِ dianggap menepati tempat nasab kerana berposisi sebagai keterangan. Para ulama berpendapat penyebutan bentuk jamak pada kata عَلَقٍ maksudnya menerangkan bahawa kata الْإِنْسَانَ yang disebutkan sebelumnya bermakna jamak (kata insan dapat digunakan dalam bentuk tunggal dan dapat juga digunakan dalam bentuk jamak). Iaitu seluruh manusia diciptakan dari segumpal darah yang lembut setelah sebelumnya berbentuk air mani. (al-Qurtubhi. T.th)

Apabila seseorang itu berilmu dengan ilmu agama yang sah, kedudukannya di sisi Allah berbeza dengan orang yang lain kerana ilmu boleh meningkatkan ketaqwaan individu terhadap Allah dan membawa keseimbangan dalam hubungan manusia dan alam sekeliling. Oleh yang demikian, kesan ilmu mampu membersihkan hati dari keburukan, menjernihkan fikiran, menunjukkan perkara yang baik dan buruk serta jalan menuju ke syurga. Paling penting, ilmu tersebut mesti dibuktikan dalam ibadah, amalan, tindakan dan nilai-nilai murni berpandukan syariat Islam.

4.1.4 Keunggulan Hati Manusia

Keunggulan hati manusia dapat dikaitkan dengan dua keadaan sama ada dari sudut spiritual mahupun dari sudut zahir atau fakta. Menurut Yusra (2021), keistimewaan hati dalam sudut zahir ia merupakan organ terbesar kedua di dalam tubuh manusia. Ia juga merupakan fungsi utama dalam tubuh badan manusia dan akhir sekali hati dapat tumbuh semula. Manakala dari sudut spiritual pula, menurut Nik Hasnah (2018), hati ini penentu kepada akhlak seseorang manusia, mendapatkan ilmu yang direzki dan menjadi panduan kepada kehendak manusia.

4.1.5 Syaitan sebagai Musuh

Menurut Muhammad Hilmi Jalil, Zakaria Stapa dan Raudhah Abu Samah (2016) bahawa sesungguhnya hati itu seperti benteng yang menghalang anasir jahat daripada memasuki ke dalam diri manusia. Anasir-anasir yang jahat inilah yang akan menjadi musuh kepada hati manusia. Imam al-Ghazali turut menegaskan bahawa musuh kepada hati manusia adalah syaitan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yasin ayat 60;

﴿أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ۖ ٦٠﴾

Maksudnya;

“Bukankah aku telah memerintahkan kepada kamu hai anak-anak Adam bahawa janganlah kamu memuja syaitan? Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu.”
(Al-Quran. Surah Yaasin 36: 60)

Firman Allah SWT, *أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ*, *Bukankah aku telah memerintahkan kepada kamu hai anak-anak Adam*. Al-‘Ahdu di sini adalah wasiat atau tidakkah aku telah mewasiatkan kepadamu dan menyampaikan kepadamu melalui lisan para rasul. *أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ* ‘bahawa janganlah kamu memuja syaitan’. Maksudnya janganlah kamu mentaatinya dalam berbuat maksiat kepada-Ku. Al-Kisai’ berkata, *لَا* adalah kalimah larangan. (al-Qurtubhi.T.th)

Menurut Imam al-Ghazali (2011), antara ruang yang akan dimasuki oleh musuh hati adalah dengan sifat manusia itu sendiri, antaranya sifat marah dan nafsu syahwat, dengki dan rakus, kenyang daripada makan, terburu-buru, cintakan dunia dan material, takut kepada kemiskinan, fanatik mazhab dan memandang hina kepada lawan, mengajak orang awam memikirkan tentang zat Allah SWT dan perkara-perkara di luar batasan akal manusia serta berburuk sangka sesama muslim.

Oleh yang demikian, hati adalah sangat penting untuk dijaga dek kerana ruang-ruang hati sangat mudah untuk dicemari dengan perkara yang tidak baik. Sebagai hamba Allah kita perlulah menjaga serta menghindarkan hati kita daripada terjerumus dengan penyakit-penyakit hati kerana menghindari lebih baik daripada mengubati.

4.2 Pendidikan Hati dan Akhlak Manusia

Pendidikan hati perlu diterapkan dalam diri manusia agar hati akan bertindak balas terhadap keadaan nurani yang positif dengan sifat-sifat kesempurnaan. Ia juga bertujuan supaya dapat mendekatkan hati dengan kerohanian agama yang kuat dengan penghayatan, bukan dengan ritual yang formalistik semata-mata. Seterusnya, pendidikan hati adalah untuk menghubungkan manusia dengan kehidupan akhirat seraya memaksimumkan perkembangan potensi diri untuk berperanan sebagai *khalifatullah* di bumi dengan dipandu oleh hati yang sejahtera (Virgin 2019). Justeru, antara peranan hati ialah;

4.2.1 Mendorong Manusia Melakukan Perbuatan Baik atau Buruk.

Kalimah “*Qalb*” dalam al-Qur’an dijelaskan sebagai hati manusia dengan makna hati yang bersih lagi suci dari segala hal-hal yang dapat mengotori hati tersebut. Ia juga difahami sebagai hati yang bertaubat yakni yang kembali pada jalan Allah dan ia memiliki sifat yang lemah lembut (Yuliana 2019). Hal ini dapat dibuktikan dengan firman Allah Taala dalam surah Ali-Imran;

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَأَنْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ
١٥٩

Maksudnya;

“Maka disebabkan rahmat dari Allah lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.”

(Al-Quran. Surah Ali-Imran 3: 159)

Al-Qurtubi (t.t) menyatakan bahawa makna ayat ini adalah ketika Rasulullah SAW bersikap lemah-lembut dengan orang yang berpaling pada Perang Uhud dan tidak bersikap kasar terhadap mereka. Maka Allah SWT menjelaskan bahawa beliau dapat melakukan itu dengan sebab taufik-Nya kepada beliau. Sementara itu, Hamka pula berpendapat bahawa hati merupakan unsur terpenting atau penggerak utama di dalam diri manusia. Keberadaannya menentukan bahagian baik dan buruknya bahagian tubuh manusia. Pepatah Arab mengatakan yang bermaksud: “*Peliharalah keindahan hati dari sesuatu penyakit kerana tidak mudah untuk memperbaikinya jika ia telah rosak*”. Pepatah ini berselari dengan penghuraian Rochim (2017) yang mengatakan bahawa keindahan hati mempengaruhi keadaan seseorang manusia. Oleh kerana itulah lebih baik kita menjaga hati daripada mengubatinya kerana harga penjagaan tidak sebanyak harga yang perlu dikeluarkan untuk merawat. Jika hati sudah

dihinggapi dengan kekeruhan maka cara manusia berfikir juga akan mengarah kepada perkara yang tidak baik.

4.2.2 Sifat Hati yang Sentiasa Bertaubat Dan Menerima Kebenaran.

Allah berfirman dalam surah al-Tahrim ayat 4 yang berbunyi;

إِنْ تَتُوبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا وَإِنْ تَظَاهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِبْرِيلُ وَصَلِحُ
الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَائِكَةُ بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ ٤

Maksudnya;

“Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah, maka sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (untuk menerima kebaikan); dan jika kamu berdua bantu-membantu menyusahkan Nabi SAW, maka sesungguhnya Allah adalah pelindungnya dan (begitu pula) Jibril dan orang-orang mukmin yang baik; dan selain dari itu malaikat-malaikat adalah penolongnya pula.”

(Al-Quran. Surah At-Tahrim 66: 4)

Menurut tafsir al-Qurtubi, *hati kamu berdua telah condong* memberi erti bahawa Allah telah mendorong hati mereka berdua daripada cenderung untuk berpaling daripada kebenaran. Ia juga boleh difahami sebagai berpaling daripada bertaubat. Oleh itu hendaklah kamu bertaubat kerana sesungguhnya itu lebih baik kepada kamu. (al-Qurtubi t.t). Ayat ini menunjukkan bahawa hendaklah manusia dituntut untuk bertaubat kepada Allah SWT apabila mendapati bahawa hatinya telah menyimpang daripada kebenaran.

Selain itu, hati merupakan antara aspek penting dalam diri manusia kerana hati adalah tempat pandangan Allah SWT kepada hambanya. Allah SWT tidak akan memandang atau menilai hambanya dari segi zahir sahaja kerana Allah SWT melihat dan menilai seseorang hamba itu dari sudut hatinya. Allah SWT juga memerintahkan manusia untuk menjalankan ibadah seperti solat, puasa, haji, zikir, zakat dan sebagainya. Jika manusia tidak menjalankan perintah Allah SWT dengan baik maka semua penolakan itu datang dari hati manusia itu sendiri.

4.2.3 Peranan Hati dalam Menghindar Perbuatan Dosa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتَ النَّبِيِّ إِلَّا أَنْ يُؤْتَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَظِيرٍ إِنَّهُ وَلَكِنْ إِذَا
دُعِيتُمْ فَأَدْخُلُوا فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَانْتَشِرُوا وَلَا مُسْتَأْسَبِينَ لِحَدِيثٍ إِنَّ ذَلِكَ كَانَ يُؤْتِي النَّبِيَّ
فَيَسْتَحْيِي مِنْكُمْ وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِي مَنْ الْحَقِّ وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ
ذَلِكَ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْتُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَنْ تَنْكِحُوا أَرْوَاجَهُنَّ مِنْ
بَعْدِهِ أَبَدًا إِنَّ ذَلِكَ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمًا ٥٣

Maksudnya;

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah-rumah Nabi kecuali bila kamu diizinkan untuk makan dengan tidak menunggu-nunggu waktu masak (makannya), tetapi jika kamu diundang maka masuklah, dan bila

kamu selesai makan, keluarlah kamu tanpa asyik memperpanjang percakapan. Sesungguhnya yang demikian itu akan mengganggu Nabi, dan Allah tidak malu (menerangkan) yang benar. Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri-isteri) Nabi, maka mintalah dari belakang tabir, cara itu demikian lebih suci bagi hatimu dan hati mereka. Dan tidak boleh kamu menyakiti (hati) Rasulullah SAW dan tidak (pula) mengahwini isteri-isterinya sesudah ia wafat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan itu adalah amat besar (dosanya) di sisi Allah.

(Al-Quran. Surah Al-Ahzab [33]: 53)

Jika seseorang itu sering melakukan dosa maka dia tidak merasakan ketenangan dalam hati. Virgin (2019) mengambil pandangan Ahmad Fahmi yang mengatakan bahawa untuk mencapai ketenangan dalam hati, maka seseorang itu memerlukan pendidikan hati. Demikian ini, untuk memiliki kualiti hati yang baik, sihat dan selamat maka ia memerlukan kepada penjagaan dan pendidikan sehingga ilmu itu dapat dipraktikkan dalam kehidupan. Hati diibaratkan sebagai sebuah barang yang mahal dan bukannya barang yang tidak bernilai. Jadi mereka yang berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki hati mereka sahaja Allah SWT akan memberikan sifat hati tersebut.

Oleh kerana itu pendidikan yang baik dan benar adalah pendidikan yang didasari dengan pendidikan hati. Tingkah laku dan perkataan seseorang mencerminkan apa yang ada di dalam hati seseorang itu. Hakikat pendidikan hati adalah untuk membenarkan hubungan kita dengan Allah Taala, mendekatkan kembali jiwa yang jauh daripada Allah Taala agar kembali kepadaNya serta mendekatkan kembali hubungan sesama manusia. Pendidikan hati juga merupakan bahagian daripada pembentukan rohani yang menekankan kepada usaha mengembangkan potensi jiwa manusia supaya sentiasa dekat dengan Allah SWT serta cenderung untuk melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan perbuatan mungkar. (Virgin, 2019)

Natijahnya dapat difahami bahawa pendidikan hati perlu dititik beratkan dalam setiap hati manusia supaya dapat membersihkan hati daripada segala kekotoran serta penyakit dan perkara maksiat. Ia juga dapat melatih hati manusia untuk sentiasa cenderung ke arah melakukan perbuatan yang baik di mana ia akan dapat memberikan keharmonian dalam hubungan sosial di kalangan masyarakat zaman kini.

4.2.4 Peranan Hati dalam Membina Pegangan Teguh dan Kepercayaan.

Firman Allah;

﴿يَأْتِيهَا الرَّسُولُ لَا يَحْزَنُكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ مِنَ الَّذِينَ قَالُوا آمَنَّا بِأَقْوَاهِمَ وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ وَمِنَ الَّذِينَ هَادُوا سَمَّعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَّعُونَ لِقَوْمٍ آخَرِينَ لَمْ يَأْتُواكَ بِكَلِمٍ مِّنْ بَعْدِ مَوَاضِعِهِ يَفُولُونَ إِنْ أُوْتِيتُمْ هَذَا فَخُذُوهُ وَإِنْ لَمْ تُؤْتَوْهُ فَاحْذَرُوا وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ فِتْنَتَهُ فَلَنْ تَمْلِكَ لَهُ مِنْ أَلَيْسَ شَيْءٍ أَوْلَىٰكَ الَّذِينَ لَمْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٤١﴾

Maksudnya;

“Hai Rasul, janganlah kamu disedihkan oleh orang-orang yang bersegera yang (memperlihatkan) kekafirannya, iaitu diantara orang-orang yang mengatakan dengan mulut mereka: ‘Kami telah beriman,’ padahal hati mereka belum beriman;

dan (juga) di antara orang-orang Yahudi. Orang-orang Yahudi itu amat suka mendengar (berita-berita) bohong dan amat suka mendengar perkataan-perkataan orang lain yang belum pernah datang kepadamu; mereka merubah perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya. Mereka mengatakan; 'Jika diberikan ini (yang sudah diubah-ubah oleh mereka) kepada kamu, maka terimalah, dan jika kamu diberi yang bukan ini maka hati-hatilah.' Barang siapa yang Allah menghendaki kesesatannya, maka sekali-kali kamu tidak akan mampu menolak sesuatupun (yang datang) daripada Allah. Mereka itu adalah orang-orang yang Allah tidak hendak menyucikan hati mereka. Mereka beroleh kehinaan di dunia dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar.
(Al-Quran. Surah al-Maidah 5: 41)

Kepentingan mendidik hati adalah untuk meyelamatkan setiap individu daripada godaan dan pujuk rayu syaitan serta nafsu yang ada dalam diri. Pendidikan hati bersumber kepada bimbingan al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW membuktikan bahawa keduanya memiliki kemampuan yang sangat luas dalam penyucian jiwa (*tazkiyatun nafs*) dan kesanggupan yang sangat hebat dalam memperbaiki hati (*ishlahul-qalb*).

Al-Quran menyatakan bahawa jiwa manusia ada yang baik dan ada juga yang buruk sebagaimana dikemukakan dalam Firman-Nya dalam surah al-Syams ayat 7-8;

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ۚ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۘ

Maksudnya;

“Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaanya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya.”

(Al-Quran. Surah Asy-Syams 91:7-8)

Menurut tafsir al-Qurthubi (T.th), mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan jiwa ada dua pendapat: Pertama adalah Nabi Adam yang kedua iaitu semua jiwa yang bernafas. Muhammad bin Ali al-Makkiy mengambil pandangan Abu Sa'id al-Khudri yang mengatakan bahawa hati manusia boleh menjadi kepada empat jenis iaitu:

1. Ada hati manusia yang dihiasi dengan cahaya iaitulah hati orang mukmin.
2. Ada hati yang dipenuhi dengan bintik-bintik hitam iaitulah hati orang kafir.
3. Ada hati yang hanya ditutupi dengan noda-noda ringan iaitu hati orang munafik.
4. Ada hati yang separuh bercahaya dan separuh redup iaitulah hati orang selalu melakukan perbuatan yang baik namun masih juga melakukan perkara yang buruk. (Virgin 2019)

Demikian itu, manusia seharusnya pandai menjaga dan mengawal hati agar hati sentiasa sihat dan suci serta sentiasa tergolong dalam golongan yang hatinya sentiasa terdorong melakukan perkara kebaikan malah terhindar daripada melakukan perkara yang membawa kepada kemungkaran Allah SWT. Justeru itu, dapatlah dilihat disinibawah hati mempunyai pelbagai peranan ke arah pembentukan akhlak manusia. Peranan hati yang dinyatakan di atas akan membawa manusia supaya sentiasa menjaga tingkah laku dan adab mereka. Jika hal ini berlaku maka ia akan memberikan impak yang lebih besar kepada keharmonian hubungan sesama makhluk dan paling penting menjaga hubungan dengan pencipta makhluk iaitu Allah SWT.

5. Rumusan dan Cadangan

Bagi menjamin keharmonian dan kebahagiaan di dunia dan akhirat perlulah kepada amalan yang diredhai oleh Allah Taala. Amalan yang mulia haruslah didasari dengan hati yang berperanan sebagai pencengah kepada kemasiatan serta pendorong ke arah kebaikan.

Selain itu, mendidik hati juga adalah sangat penting dalam diri seseorang. Ini kerana hati berperanan dalam tingkah laku seseorang sama ada baik atau buruk. Mudah mudahan penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan semoga dapat membantu dalam pengamalan dan penghayatan oleh setiap individu muslim supaya sentiasa berkelakuan baik.

Justeru, wajarlah kepada setiap individu muslim untuk sentiasa menjaga hati mereka agar ia dapat mendorong sikap seseorang untuk sentiasa melakukan kebaikan yang mana sikap ini perlulah diterapkan dalam hati individu sejak mereka masih kecil lagi. Apabila setiap individu menerapkan pendidikan hati maka ini akan membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Ghazali. (2011). *Keajaiban Hati*. Jakarta: Khatulistiwa Press

Al-Qurtubhi. (T.th.). *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 6*. Jakarta: Pustaka Azzam

Al-Qurtubhi. (T.th.). *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 8*. Jakarta: Pustaka Azzam

Al-Qurtubhi. (T.th.). *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 13*. Jakarta: Pustaka Azzam

Al-Qurtubhi. (T.th.). *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 14*. Jakarta: Pustaka Azzam

Al-Qurtubhi. (T.th.) *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 15*. Jakarta: Pustaka Azzam

Al-Qurtubhi. (T.th.) *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 18*. Jakarta: Pustaka Azzam

Al-Qurtubhi. (T.th.) *Tafsir al-Qurtubhi Jilid 20*. Jakarta: Pustaka Azzam

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka

Duriana dan Anin Lini. (2015). *Qalbu Dalam Pandangan al-Ghazali*. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Ambon

Muhammad Hilmi Jalil, Zakaria Stapa dan Raudhah Abu Samah. (2016). *Konsep Hati Menurut Al-Ghazali*. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Khafidz bin Soroni dan Mohd Norzi bin Nasir. (2013). *Ketokohan Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani (1916-1990) dan Sumbangannya dalam Disiplin Periwaiyatan Sanad*. Selangor; Kolej Universiti Islam Selangor

Nik Hasnah Ismail. (2018). *BH Online: Hati Bersih Penentu Akhlak Mulia*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/02/388410/hati-bersih-penentu-akhlakmulia> [28/5/2021]

Rochim. (2017). *Konsep Pendidikan Jasmani, Akal Dan Hati Dalam Perspektif Hamka*. Bangil: Dosen Staipana Pancawahana Bangil

Safria Andy. (2018). *Konsep Hati Dalam Wacana al-Quran dan Hadis*. Sumatera Utara: Studi Islam Universitas Islam Negeri Sumatera Utara

Sri Viknarajan. (2020). *Pentingkah Fungsi Hati (Liver Function) Dalam Kesihatan Tubuh Badan?*. <https://www.doctoroncall.com.my/soalan/fungsi-hati-liver-function>

- Virgin Yuliana. (2019). *Pendidikan Qalbu (Hati) Menurut Al-Qur'an: Kajian Surat Al-Hajj Ayat 46*. Indonesia: Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Wan Amizah Wan Mahmud dan Muhammad Adnan bin Pitchan. (2017). *Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Yusra Firdaus. (2021). *Hello Sehat: 3 Fakta Tentang Hati (Liver) Manusia Yang Ternyata Menakjubkan*. <https://hellosehat.com/pencernaan/hati/5-fakta-unik-seputar-hati-liver-manusia/> [28/5/2021]
- Zamanuddin Jusoh. (2014). *BH Online: Hati Penentu Kebaikan, Kejahatan Seorang Mukmin*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/12/25533/hati-penentu-kebaikan-kejahatan-seorang-mukmin> [28/5/2021]